

Terjemahan *Masdar* Dalam Kitab *Riyad Al-Salihin*

Nur Syuhada binti Che Mat Amin
P104148@siswa.ukm.edu.my
Universiti Kebangsaan Malaysia

Md Nor bin Abdullah
monab@ukm.edu.my
Universiti Kebangsaan Malaysia

Hakim bin Zainal
haza@ukm.edu.my
Universiti Kebangsaan Malaysia

Maheram binti Ahmad
maheram@ukm.edu.my
Universiti Kebangsaan Malaysia

ABSTRAK

Penterjemahan adalah proses peralihan bahasa sumber kepada bahasa sasaran yang mempunyai kaedah tertentu bagi menjamin hasil yang dapat difahami pengguna bahasa sasaran. Kajian ini membincangkan berkenaan terjemahan *maşdar* dalam hadith kitab adab pada kitab *Riyad al-Salihin*. Hal ini berikutan kebanyakan terjemahan hadith biasanya dikaji dari aspek maksud menyeluruh tanpa memfokuskan komponen bahasa tertentu. Terjemahan *maşdar* dalam hadith kurang dibincangkan meskipun gaya bahasa yang digunakan mempunyai kaedah dan nilai estetika tersendiri. Perkara ini sedikit sebanyak menimbulkan kekeliruan dalam kalangan masyarakat khususnya pelajar dalam memahami situasi *maşdar* dalam bahasa Arab dan terjemahannya. Justeru, kajian ini akan berfokuskan kepada satu komponen bahasa sahaja, iaitu *maşdar* yang mana ia juga kerap digunakan dalam bahasa Arab selain kata kerja. Objektif kajian adalah untuk mengenal pasti terjemahan *maşdar* yang digunakan dalam kitab *Riyad al-Salihin* dan meneliti padanan *maşdar* tersebut. Pengumpulan data bagi kajian kualitatif ini adalah melalui kaedah analisis kandungan berpandukan Teori Dinamis Nida. 26 *maşdar* dalam kitab adab pada kitab *Riyad al-Salihin* dipilih sebagai korpus kajian dan dianalisis fungsinya. Hasil kajian menunjukkan bahawa kata terbitan diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu dalam tiga bentuk iaitu kata terbitan, kata nama pelaku dan kata kerja. Kebanyakan *maşdar* sesuai diterjemah sebagai kata terbitan dalam bahasa Melayu. Kajian ini diharapkan dapat menerangkan dengan lebih jelas mengenai kepelbagaian terjemahan *maşdar* serta dapat dijadikan panduan untuk menterjemah *maşdar* dari bahasa Arab ke bahasa Melayu.

Kata kunci: Terjemahan Hadith; *Masdar*; Bahasa Melayu; Bahasa Arab; *Riyad Al-Salihin*

Translation of *Masdar* in *Riyad Al-Salihin* Book

ABSTRACT


Translation is the process of switching source languages into target language that have specific methods to ensure that the target language user can understand the translated text. This research is about the translation of *masdar* in chapter of manners in *Riyad al-Salihin* book. It is because most of hadith translations are discussed as a whole complete text without focusing on a certain language component. The translation of *masdar* in the hadith is less discussed although the style of the language used has its own aesthetic value and using certain methods. The situation might cause confusion among society, especially for students, in understanding *masdar* situations in Arabic and its translation. The research objectives are to identify the *masdar* in *Riyad al-Salihin* and observe the equivalence meaning of it in Malay. Data collection for this qualitative study is through content analysis method based on Nida's Dynamic Theory. 26 *masdar* in the book of manners in *Riyad al-Salihin* was selected as a corpus of studies and its function was analyzed. The results showed that *masdar* is translated into Malay in three forms, derived noun, verb and doers. Most *masdar* fit to be translated in the form of derived noun in Malay language. This study hopefully can explain more clearly about diversity translations of *masdar* and can be a guide in future *masdar* translation from Arabic to Malay.

Keywords: Hadith Translation; *Masdar*; Malay; Arabic Language; *Riyad Al-Salihin*

PENDAHULUAN

Kata terbitan, atau disebut sebagai *maṣḍar* dalam Bahasa Arab, ialah sejenis kata nama. Menurut Mustafa al-Ghalayini (2009), *maṣḍar* membawa maksud lafaz yang menunjukkan kejadian sesuatu, dan tidak menggambarkan *al-zaman* (masa), serta mengandungi kata kerja di dalamnya, sama ada secara lafaz, atau secara *taqdir* (andaian). Fakhr al-Din Qabawat (1988) pula mendefinisikan *maṣḍar* sebagai kata nama perbuatan yang tidak terikat dengan masa. Ringkasnya, *maṣḍar* atau kata terbitan ialah sejenis kata nama yang berfokus pada sesuatu perbuatan tanpa mengaitkannya dengan masa. *Maṣḍar* terbahagi kepada *maṣḍar mimi* dan *maṣḍar* bukan *mimi*, di samping pembahagian kepada *maṣḍar sarīh*, *maṣḍar mu'awwal*, *maṣḍar marrah* dan *maṣḍar hai'ah*.

Abd al-Hamid al-Sayyid Muhammad Abd al-Hamid (1995) menjelaskan bahawa *maṣḍar mimi* adalah kata yang bermula dengan huruf *mim* tambahan pada awal yang menunjukkan perbuatan yang berlaku. Ini bermakna secara automatiknya, *maṣḍar* yang tidak mempunyai huruf *mim* di depannya adalah *maṣḍar* bukan *mimi*. Kamilah al-Kawari (2008) dalam kitabnya "*Al-Wasit fi al-Nahu*" pula membahagikan *maṣḍar* kepada dua jenis, iaitu *maṣḍar sarīh* dan *maṣḍar mu'awwal*. Sementara itu, Abbas Hassan (2007) dalam kitabnya "*al-Nahu al-Wafī*" pula membahagikan *maṣḍar* kepada dua jenis, iaitu *maṣḍar marrah* dan *maṣḍar hai'ah*. *Maṣḍar marrah* ialah *maṣḍar* yang merujuk kepada bilangan, dan menunjukkan kepada kekerapan sesuatu kejadian manakala *maṣḍar hai'ah* ialah apa yang menunjukkan jenis keadaan. *Maṣḍar* memainkan peranan yang penting dalam penterjemahan sesuatu teks memandangkan ia menggambarkan kejadian sesuatu perkara. Penterjemahan tidak akan lengkap tanpa pengetahuan tentang *maṣḍar*, iaitu karta terbitan. Aplikasi *maṣḍar* pada korpus kajian, iaitu hadith dalam kitab *Riyad al-Salihin* membuktikan kepentingan kata nama ini dalam penterjemahan. Pembahagian *masdar* mengikut pandangan sarjana boleh dilihat mengikut pandangan sarjana boleh dilihat dalam Rajah 1 di bawah:



RAJAH 1. Pembahagian *maşdar*

Dari sudut perkembangan terjemahan hadith ke bahasa Melayu, pelbagai usaha telah dijalankan oleh pelbagai pihak sama ada oleh individu atau pun secara institusi. Antara terjemahan hadith yang diusahakan oleh individu adalah “Terjemahan Hadith *Sahih Muslim*” oleh H. A. Razak dan H. Rais Lathif (2002), “Terjemahan Hadith *Sahih Bukhari*” yang diterjemahkan oleh H. Zainuddin Hamidy (2003), dan “*Sunan al-Nasa'i* : Terjemahan dan Pengajaran Hadith” yang diterjemahkan oleh Jawiah Dakir (2018). Sementara itu, terjemahan hadith yang diusahakan oleh institusi adalah seperti “*Riyad al-Salihin* oleh al-Imam al-Nawawi” yang diterjemahkan oleh Unit Qur’an, Sunnah dan Tafsir, Pusat Penyelidikan Islam (1994), “*Sharah 50 Hadith : Termasuk Hadith 40 Imam Nawawi*” yang diterjemah dan disemak oleh Bahagian Terjemahan dan Editorial Pustaka Salam Sdn. Bhd (2005) dan “*Al-Adab: Himpunan Hadith-Hadith Adab dalam Islam*” yang diterjemah dan disemak oleh Bahagian Terjemahan dan Suntingan Pustaka Salam Sdn. Bhd. (2010). Individu dan institusi tersebut berperanan dalam menyumbang bantuan kepada masyarakat Melayu dalam memahami sumber wahyu yang kedua ini memandangkan tidak keseluruhan masyarakat mempunyai pengetahuan yang mendalam dalam ilmu bahasa Arab.

PERNYATAAN MASALAH

Hadith, atau disebut dengan istilah *al-Sunnah*, dari sudut disiplin ilmu hadith, dilihat oleh golongan muhaddithin sebagai apa yang dikesan daripada Nabi SAW sama ada dari segi perkataan, perbuatan, persetujuan atau sifat kejadian baginda atau akhlak baginda ataupun yang berkaitan sejarah baginda, sama ada sebelum dibangkitkan sebagai Rasul atau selepas kebangkitan. Justeru, terjemahan hadith wajar dilaksanakan agar masyarakat Melayu lebih memahami teks agama ini dengan jelas. Namun begitu, terjemahan hadith kurang diketengahkan meskipun gaya bahasa yang digunakan mempunyai nilai estetika tersendiri serta menggunakan kaedah tertentu. Kajian ini membincangkan kata terbitan dalam terjemahan kitab *Riyad al-Salihin* serta mengklasifikasikan terjemahan tersebut secara spesifik. Jawiah Dakir et. al (2017) serta penulis lain yang terlibat dalam penulisan “*Sunan al-Nasa'i*: Terjemahan dan Pengajaran Hadith” berpendapat bahawa sehingga hari ini masih sangat sedikit kitab hadith edisi Bahasa Melayu yang disertakan pengajaran dan faedah yang benar-benar lengkap serta dapat memenuhi keperluan masyarakat Islam di Malaysia. Justeru, terjemahan perlu dipilih dengan sesuai agar maksud perkataan dapat difahami oleh masyarakat. Leksikal wajar dipilih dengan sesuai agar maksud terjemahan dapat difahami masyarakat. Ini sejajar dengan apa yang dinyatakan oleh Munif Zariruddin (2012) yang telah menggariskan prinsip kesantunan berbahasa menurut al-Quran yang memberi penekanan kepada bentuk leksikal dalam wacana. Oleh itu, kitab hadith yang disertakan dengan pengajaran dan faedah dalam Bahasa Melayu

amat diperlukan oleh masyarakat dewasa ini. Terjemahan kata terbitan dalam hadith wajar diambil berat agar tidak berlaku konflik dalam kalangan masyarakat untuk memahami kandungan hadith. Lebih-lebih lagi menurut Ruzuani Muhamad (2009), meskipun pelajar berasal daripada universiti berteraskan Islam serta menggunakan bahasa Arab sebagai bahasa utama, namun mereka masih melakukan kesalahan daripada pelbagai aspek. Situasi ini menggambarkan pentingnya terjemahan yang mendalam untuk memperkukuhkan lagi pemahaman masyarakat terhadap teks.

Kajian berkenaan terjemahan hadith tidak begitu banyak dihasilkan. Hal ini dapat dilihat apabila kajian-kajian lepas lebih banyak bertumpu pada al-Qur'an, misalnya "Eufemisme dalam Wacana Terjemahan Makna al-Qur'an ke Bahasa Melayu: Analisis Pragmatik" yang dikaji oleh Nasimah Abdullah dan Lubna Abd. Rahman (2019) serta "Unsur Kesantunan dalam Tafsir Pimpinan Al-Rahman" karya Nasimah Abdullah et. al (2017). Terjemahan al-Qur'an lebih menjadi tumpuan utama memandangkan al-Qur'an merupakan sumber hukum pertama umat Islam, namun hal ini tidak menafikan kepentingan terjemahan hadis dalam meningkatkan kefahaman masyarakat Melayu berkenaan ilmu agama berkaitan pelbagai aspek kehidupan seperti akidah, ibadah dan akhlak. Namun begitu, tugas menterjemah teks yang berkait dengan agama adalah agak mencabar (Manar Debbas dan Ahmad S. Haider, 2020) justeru penterjemah perlu berwaspada dalam menterjemahkannya.

Menurut Nur Eko Ikhsanto dan Abdul Malik (2016), seorang penterjemah harus memiliki kemampuan yang diperlukan dalam menerjemahkan, iaitu kemampuan memecahkan masalah. Hal ini menunjukkan kepentingan penguasaan seseorang penterjemah terhadap bidang tersebut dengan mendalam agar hasil terjemahan dapat difahami dengan jelas oleh pembaca. Namun begitu, terdapat juga masalah yang berlaku dalam proses penterjemahan ini. Antaranya, kelemahan dalam menguasai *maṣḍar* itu sendiri. Azlan Abdul Rahman (2003) berpendapat bahawa antara faktor kelemahan pelajar untuk memahami *maṣḍar* adalah kelemahan memahami dan menggunakan *maṣḍar* sehingga menghalang pelajar daripada menguasai bahasa Arab dengan baik, wujudnya kelemahan dalam pembelajaran *maṣḍar* Arab dan kekeliruan dalam membezakan jenis, fungsi, dan pola *maṣḍar* sehingga menyebabkan mereka sering melakukan kesilapan dalam pertuturan dan penulisan. Penguasaan bahasa dalam kalangan masyarakat wajar diambil berat memandangkan kelemahan dalam penguasaan bahasa berkait rapat dengan kesalahan bahasa (Azlan Shaiful dan Hazwan, 2020). Istilah kata terbitan sendiri membawa makna yang berbeza dalam bahasa Arab dan bahasa Melayu, iaitu kata terbitan dalam bahasa Melayu merupakan bentuk kata yang mengandungi kata dasar yang menerima imbuhan (Wong dan Nai Kung, 2003) meliputi kata nama, kata kerja dan adjektif, manakala kata terbitan bahasa Arab hanya terhad kepada kata kerja sahaja yang membentuk kata nama. Kesilapan dalam pemahaman dan penggunaan boleh berlaku sekiranya seseorang kurang menguasai sintaksis (Azhar dan Zauwiyah, 2018), justeru bahagian sintaksis wajar diteliti.

Seseorang penterjemah tidak seharusnya terlalu terikat dengan leksikal atau gramatikal bahasa sumber agar terjemahan tidak kedengaran janggal dalam bahasa sasaran (Siti Shalihah, 2017). Demi memastikan ketepatan makna, sesebuah terjemahan perlu dinilai secara menyeluruh tanpa memfokuskan perkataan tertentu sahaja. Kesilapan struktur terjemahan akan menyebabkan mesej yang disampaikan menjadi tidak tepat (Mohamad Nor Amin dan Naimah, 2011). Justeru, struktur terjemahan perlu diteliti dengan baik untuk mengelakkan mesej tidak sampai dengan tepat kepada pembaca sasaran. Setiap kelompok masyarakat mempunyai norma sosial yang berbeza (Cho Minsung dan Puteri Roslina, 2016), justeru terjemahan juga seharusnya mengambil kira unsur ini agar hasil terjemahan tidak menjadi kekok dalam bahasa sasaran. Terjemahan sewajarnya mampu ditelusuri dengan baik memandangkan kesemua tahap pembaca sasaran harus diambil kira untuk memastikan maklumat yang cuba disampaikan,

khususnya dalam teks berkaitan agama, dapat difahami tanpa menyimpang ke maksud lain (Mukhlis Rosli et. al 2020).

Berdasarkan permasalahan tersebut, kajian berkenaan terjemahan kata terbitan dibahasakan menerusi hadith dalam kitab *Riyad al-Salihin*. Pendekatan terjemahan hadith yang diaplikasi oleh Najib Kailani An dan Fatimah Rasyidah An dalam menterjemah kitab ini turut difokuskan untuk menilai aspek kata terbitan pada terjemahan tersebut di samping merujuk kepada Teori Dinamis Nida. Kitab hadith yang menyeluruh dalam pelbagai aspek kehidupan seperti akhlak, ibadah dan akidah ini bukan sahaja sesuai dijadikan panduan hidup masyarakat, bahkan nilai keindahan bahasa serta nilai murni yang dapat dipelajari dan dijadikan iktibar turut menjadikan kitab ini diterima pakai oleh masyarakat Islam serata dunia.

OBJEKTIF

Kajian dijalankan berlandaskan objektif-objektif yang dirancang untuk menyelesaikan permasalahan yang wujud, antaranya:

- a) Mengenal pasti *masdar* yang terdapat dalam hadith-hadith kajian dan terjemahannya, merujuk kepada terjemahan kitab *Riyad al-Salihin*.
- b) Menganalisis bentuk terjemahan *masdar* dalam teks hadith yang telah dipilih dalam kitab *Riyad al-Salihin* berserta penerapan teori terjemahan Nida (1964).

METODOLOGI

Teks hadith dalam kitab *Riyad al-Salihin* telah dijadikan sebagai bahan kajian. Pengumpulan data bagi kajian ini adalah melalui kaedah analisis kandungan. Kajian ini menggunakan hadith daripada kitab bahasa Arab yang berjudul "*Riyad al-Salihin*" karya Imam Nawawi yang diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu. Pemilihan kitab ini adalah bertujuan untuk menganalisis *masdar* yang digunakan dalam terjemahan tersebut. Kajian mengetengahkan beberapa prosedur, antaranya reka bentuk kualitatif digunakan dengan penerapan kaedah analisis kandungan menerusi korpus kajian iaitu buku "Terjemahan *Riyad al-Salihin* dalam Bahasa Melayu" terbitan al-Hidayah Publication. Terjemahan edisi ini dipilih kerana buku ini mengumpulkan teks hadith dalam bahasa Melayu dan bahasa Arab, justeru ia lebih mudah untuk dirujuk dan dibandingkan.

Selain itu, prosedur seterusnya ialah kaedah kepustakaan yang digunakan untuk menjadikan kaedah pengumpulan data lengkap. Selain sumber primer, iaitu kitab *Riyad al-Salihin* karya Imam Nawawi cetakan pertama terbitan tahun 1997 serta terjemahannya yang diterbitkan oleh al-Hidayah Publication (2009), sumber sekunder seperti kitab nahu, jurnal, disertasi, tesis dan kamus juga akan dirujuk sepanjang kajian. Fungsi *maṣḍar* dalam teks hadith yang dipilih juga dihuraikan secara mendalam. Hadith-hadith yang dipilih ditelusuri terjemahan kata terbitannya menggunakan kaedah pemerhatian untuk menyenaraikan data yang diperlukan kajian. Sampel kajian dihuraikan untuk menganalisis data dan menilai unsur terjemahannya sama ada sesuai atau tidak. *Masdar* juga dianalisis dari sudut sintaksis untuk menerangkan lagi aspek tatabahasa dalam terjemahan tersebut. Teori Terjemahan Dinamis yang diperkenalkan oleh Nida (1964) turut digunakan dalam kajian untuk meneliti terjemahan *masdar* dalam hadith *Riyad al-Salihin* ini.

Kitab *Riyad al-Salihin* ini mempunyai 667 halaman dan mempunyai 18 kitab (bab). Bab adab, yang merupakan salah satu kitab dalam buku ini, merangkumi 22 halaman dan 46 hadith. Jumlah *maṣḍar* yang ditemui dalam keseluruhan hadith kitab adab adalah sebanyak 52 *maṣḍar*. Memandangkan keseluruhan *masdar* dalam kitab adab *Riyad al-Salihin* meliputi


jumlah hadith yang besar, maka kajian ini memfokuskan 26 hadith sahaja iaitu separuh daripada jumlah 52 *masdar* untuk dijadikan sampel kajian. Bab adab dipilih memandangkan bentuk terjemahan *masdar* dalam bab ini adalah pelbagai serta mempunyai kuantiti yang mencukupi untuk dijadikan sampel kajian berbanding bab lain. Teks hadith yang dipilih adalah merangkumi bentuk terjemahan yang berbeza (kata nama/ kata kerja/ kata pelaku) dan pelbagai jenis *masdar*.

TEORI TERJEMAHAN

Terdapat pelbagai teori yang diaplikasi dalam bidang terjemahan, antaranya teori terjemahan Dinamis yang dirintis oleh Nida (1964), teori terjemahan semantik oleh Peter Newmark (1981) dan lain-lain. Secara umumnya, teori Nida tersebut mementingkan kesan kepada pembaca teks sasaran manakala teori semantik Newmark pula menekankan pengekalan unsur teks sumber. Teori yang dipilih dalam mengkaji terjemahan kata terbitan dalam buku *Riyad al-Salihin* ini adalah teori terjemahan Nida (1964).

Menurut Nida, terjemahan dinamis ialah proses pemindahan mesej teks sumber kepada teks sasaran tanpa mengabaikan persamaan kesan pembacaan oleh pembaca teks sumber mahupun teks sasaran (Nida dan Taber, 1969). Teori ini dipilih memandangkan terjemahan sumber hukum agama Islam yang kedua ini mementingkan kewujudan kesan terhadap pembaca agar hadith Nabi SAW dapat dihayati dengan mendalam. Terjemahan hadith daripada bahasa Arab ke bahasa Melayu juga biasanya menuntut sedikit perubahan pada struktur teks sasaran tanpa mengubah maksud yang cuba disampaikan menerusi teks sumber agar kandungan teks dapat disampaikan dengan lebih jelas.

Teori Nida disokong oleh Jaber Nashi (2015) dalam artikel jurnalnya yang mengkaji terjemahan pepatah Arab dengan menggunakan teori Nida. Hasil kajian menunjukkan teori terjemahan Nida iaitu terjemahan Dinamis membantu meningkatkan kefahaman pembaca dalam bahasa sasaran memandangkan ia tidak memfokuskan pengekalan bentuk bahasa sumber. Maksud yang disampaikan adalah diutamakan supaya tidak berlaku salah faham maksud asal apabila diterjemah ke dalam bahasa sasaran. Teori ini turut digunakan oleh Ahmad Zulfadhli (2013) dalam kajian sarjananya yang bertajuk “Terjemahan Makna Perintah dalam Surah al-Baqarah: Analisis Perbandingan Antara Terjemahan Tafsir Fi Zilal Al-Quran dengan Tafsir Pimpinan ar-Rahman”. Teori ini juga didapati mampu memudahkan kefahaman pembaca dan memberi manfaat (Abdul Mu’iz Ahmad dan Taj Rijal Muhamad Romli, 2020). Rajah 2 menunjukkan proses terjemahan yang digariskan oleh Nida mengikut teorinya.



RAJAH 2. Proses terjemahan menurut teori Nida 1964

SOROTAN KAJIAN

Beberapa kajian lepas berkenaan *maşdar* disertakan untuk mengkaji hasil karya sebelum ini yang berkaitan, antaranya “Kekerapan Penggunaan *Maşdar Sarih* Berbanding *Maşdar Mu’awwal* dalam Surah Al-Baqarah Ayat 1-100” yang dikaji oleh Akmarina Mohd Salwai (2015). Objektif kajian adalah untuk menganalisis *maşdar sarih* dan *maşdar mu’awwal*, mengklasifikasikannya mengikut *wazan* dan membandingkan aspek aplikasi kekerapannya

dalam surah al-Baqarah. 100 ayat surah al-Baqarah difokuskan dengan menggunakan metode kepustakaan, pengumpulan data, kuantitatif dan komparatif. Tafsir al-Qur'an, kitab-kitab nahw dan sarf, pelbagai mu'jam Arab-Arab dan Arab-Melayu dirujuk sepanjang kajian di samping *Irab al-Qur'an al-Karim* dan Tafsir *al-Qurtubi* yang dijadikan bahan kajian utama. Hasil kajian menunjukkan bahawa *maṣḍar sarīh* lebih banyak ditemui dalam 100 ayat surah al-Baqarah berbanding *maṣḍar mu'awwal* manakala wazan yang paling banyak digunakan ialah wazan bagi *maṣḍar sarīh thulathi*. Kajian berkaitan *maṣḍar sarīh* dan *maṣḍar mu'awwal* juga adalah penting dalam pembelajaran bahasa Arab iaitu dari aspek pembinaan struktur ayat yang bersistematik kerana menurut kajian, kebanyakan pelajar seringkali mengalami kekeliruan sama ada di peringkat sekolah menengah, kolej dan universiti. Azlan Abdul Rahman (2007) dalam kajiannya "*Maṣḍar Bahasa Arab: Fungsi dan Penggunaan*" mengatakan bahawa penguasaan masdar dalam kalangan pelajar Melayu adalah lemah di mana pelajar belum mencapai tahap yang bagus. Justeru, kajian yang bakal dijalankan akan meneliti terjemahan *maṣḍar* menerusi analisis terhadap hadith dalam kitab *Riyad al-Salihin*.

Di samping itu, kajian Wan Nor Hazwani Wan Ramli (2017) pula menekankan aspek cabaran dalam pengajaran penterjemahan yang mana ia merupakan bidang yang penterjemahan tidak boleh dipandang remeh dan perlu diperkasakan. Kajian ini mengemukakan cabaran-cabaran yang dihadapi dalam pengajaran penterjemahan terutamanya dari sudut kurikulum pembelajaran, kaedah pengajaran dan juga teori yang digunakan dalam pengajaran penterjemahan. Beberapa aspek perlu dititik beratkan untuk meningkatkan lagi kualiti pengajaran penterjemahan memandangkan ia merupakan salah satu cabang penting yang perlu difokuskan untuk menghasilkan penterjemah yang berkualiti dan berpotensi tinggi. Produk atau penterjemah yang bagaimana yang ingin dilahirkan merupakan antara faktor yang mempengaruhi pengajaran penterjemahan. Kajian berpendapat bahawa kaedah yang digunakan dalam pengajaran penterjemahan perlu disesuaikan dengan objektif atau matlamat sesuatu institusi dan juga peringkat pengajian, bukan terikat kepada kaedah tertentu sahaja. Perkembangan pelbagai disiplin ilmu telah menjadikan kemahiran menterjemah sebagai satu keperluan pada masa kini.

Sementara itu, dalam bab terjemahan hadith, kajian berkenaan terjemahan metafora dalam hadith Rasulullah SAW telah dijalankan oleh Saifulah bin Samsudin, Muhammad Fauzi bin Jumingan, Abdul Rauf bin Hassan dan Muhd Zulkifli bin Ismail (2014). Aspek terjemahan metafora ke dalam bahasa Melayu telah difokuskan dalam kajian dengan menggunakan pendekatan yang diperkenalkan oleh Peter Newmark iaitu terjemahan semantik komunikatif. Terjemahan kitab *Riyad al-Salihin* terbitan Bahagian Hal Ehwal Islam Jabatan Perdana Menteri dijadikan rujukan bagi mengumpul data kajian dan seterusnya menganalisis terjemahan metafora dengan menekankan aspek budaya. Pada akhir kajian, didapati bahawa terdapat kesukaran bagi penterjemah untuk menterjemahkan elemen metafora yang berasaskan unsur budaya dalam kajian, namun masalah ini dilihat dapat dikurangkan dengan menggunakan teori Semantik dan Komunikatif yang fleksibel. Kajian ini memfokuskan terjemahan metafora manakala kajian yang bakal dilakukan lebih berfokus kepada terjemahan unsur kata terbitan atau *maṣḍar* dalam kitab *Riyad al-Salihin*.

Kitab *Riyad al-Salihin* bukan nama yang asing dalam kalangan masyarakat Islam, maka sudah tentu telah terdapat kajian-kajian lepas yang telah dijalankan dengan merujuk kitab karya Imam Nawawi ini, antaranya kajian yang dijalankan oleh Solehah Yaakob, Nurul Hanilah (2012) yang bertajuk "*Asmaa' al-Fa'ilin fi Kitab Riyad al-Salihin*". Kajian ini adalah tentang analisis makna *ism fa'il* (kata nama pelaku) menerusi pemilihan maknanya dalam kitab *Riyad al-Salihin*. Kepelbagaian jenis *ism fa'il* yang ditemui dalam hadith turut dihuraikan di samping menghuraikan berkenaan perbezaan uslub bahasa di dalamnya seperti gaya penceritaan, pensyaratan dan doa. Kajian ini membahaskan berkenaan *ism fa'il* (subjek) dalam kitab tersebut, manakala kajian yang akan dijalankan akan memfokuskan *maṣḍar* atau kata terbitan

serta bagaimana ia diterjemahkan. Kesemua bab dalam *Riyad al-Salihin* dirangkumkan dalam kajian ini, manakala kajian yang bakal dilakukan memfokuskan 10 hadith sahaja di dalam tema adab untuk menganalisis terjemahan *masdar*.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Bahasa Arab mahupun bahasa-bahasa lain, termasuklah bahasa Melayu mempunyai sistem pembinaan struktur ayatnya yang tersendiri (Baharuddin dan Shahman, 2012). Menerusi pemerhatian terhadap 10 hadith dalam kitab adab pada buku *Riyad al-Salihin*, data kajian meliputi 26 *masdar*, konteks, terjemahan dan fungsi adalah seperti yang terdapat dalam Jadual 1.

Makna sesebuah perkataan turut ditentukan oleh hubungannya dengan perkataan lain dalam teks (Siti Shalihah, 2017). Justeru, perbezaan bentuk padanan dalam terjemahan adalah pelbagai berdasarkan hubungan sesama perkataan dan makna yang terhasil. Menerusi Jadual 1, dapat dilihat bahawa apabila perkataan *masdar* bahasa Arab diterjemahkan ke bahasa Melayu, padanan untuk kata *masdar* tersebut tidak semestinya dalam bentuk kata terbitan. Hal ini terbukti menerusi kepelbagaian bentuk padanan kata yang digunakan oleh penterjemah untuk menterjemah *masdar* tersebut. Antara pilihan bentuk padanan yang dipilih oleh penterjemah dalam terjemahan *masdar* terbahagi kepada tiga bentuk; kata kerja, kata terbitan dan kata pelaku. Data berkenaan pembahagian ketiga-tiga jenis bentuk terjemahan disusun dalam Jadual 2, 3 dan 4.

JADUAL 1. Senarai *masdar* yang dipilih sebagai sampel kajian, Terjemahan *Riyad al-Salihin*

JENIS	BIL	MASDAR	HADITH	KONTEKS	TERJEMAHAN	BENTUK
MIMI	1	موعظة	697	وإني أتخولكم بالموعظة	Sesungguhnya aku memperhatikan waktu untuk <u>menasihati</u> mu	فعل Kata kerja
	2	معاش	716	خير لي في ديني ومعاشي	Baik untukku dalam agamaku, dalam <u>kehidupanku</u>	مصدر Kata nama (terbitan)
	3	موعظة	700	وعظنا رسول الله (ص) موعظة	Rasulullah SAW telah <u>memberi nasihat</u> kepada kami	فعل Kata kerja
HAI'AH	4	مشية	685	ما تحطىء من مشية رسول الله (ص) شيئا	Cara berjalannya sama sekali tidak berbeza dengan <u>cara berjalan</u> Rasulullah SAW	مصدر Kata nama (terbitan)
	5	مخافة	697	يتخولنا بما مخافة السامة علينا	Rasulullah memperhatikan waktu dalam menasihati kami kerana <u>ditakuti</u> akan membosankan	فعل Kata kerja
MARRAH	6	حنية	689	فحشى لي حنية	Abu Bakar langsung mengambilkan <u>bahagianku</u> dengan satu kali ambil	مصدر Kata nama (terbitan)
MU'AWWAL	7	أن أرجع	684	فإنه لم يمنعني أن أرجع إليك فيما عرضت علي	Sesungguhnya tidak ada yang menghalangiku untuk <u>menerima</u> tawaranmu	فعل Kata kerja
	8	أن تكوني	685	أما ترضين أن تكوني سيدة نساء المؤمنات	Tidakkah kamu rela <u>menjadi</u> penghulu bagi para wanita mukmin	فعل Kata kerja

	9	أن تلقى	693	ولو أن تلقى أخاك بوجه طلق	Meskipun hanya sekadar bermuka manis ketika <u>berjumpa</u> dengan saudaramu	فعل Kata kerja
	10	أن أملككم	697	أكره أن أملككم	Aku tidak suka <u>membuat kamu bosan</u>	فعل Kata kerja
	11	أن يقيم	705	لا يحل لمسلم أن يقيم عند أخيه حتى يؤتمه	Tidak halal seorang muslim <u>tinggal</u> di tempat saudaranya sehingga membuatnya berdosa	فعل Kata kerja
	12	أن أصفه	709	ولو سئلت أن أصفه ما أطقت	Seandainya saya disuruh <u>menceritakan sifat-sifatnya</u> pasti saya tidak akan mampu	فعل Kata kerja
	13	أن يأتي	710	إنما أنا بشر يوشك أن يأتي رسول ربي	Sesungguhnya aku ini hanyalah seorang manusia. Sebentar lagi utusan Tuhanku <u>datang</u> kepadaku	فعل Kata kerja
SARIH	14	الحياء	679	يعظ أخاه في الحياء	(Dia) memberi nasihat kepada <u>kepada</u> saudaranya tentang <u>sifat malu</u>	مصدر Kata nama (terbitan)
	15	الإيمان	679	فإن الحياء من الإيمان	Sifat malu itu adalah sebahagian daripada <u>iman</u>	مصدر Kata nama (terbitan)
	16	الحياء	680	الحياء لا يأتي إلا بخير	<u>Sifat malu</u> itu tidak mendatangkan sesuatu melainkan kebaikan	مصدر Kata nama (terbitan)
	17	الإيمان	681	الإيمان بضع وسبعون أو بضع وستون شعبة	<u>Iman</u> itu terdiri daripada tujuh puluh lebih atau enam puluh lebih cabang	مصدر Kata nama (terbitan)
	18	قول	681	فأفضلها قول لا إله إلا الله	Cabang yang paling utama adalah <u>mengucapkan لا إله إلا الله</u>	فعل Kata kerja
	19	إماطة	681	وأدناها إماطة الأذى عن الطريق	Dan yang paling rendah adalah <u>menyingkirkan</u> gangguan dari tengah jalan	فعل Kata kerja
	20	الإيمان	681	والحياء شعبة من الإيمان	Sifat malu itu merupakan salah satu cabang daripada <u>iman</u>	مصدر Kata nama (terbitan)
BUKAN MIMI	21	حياء	682	كان رسول الله (ص) أشد حياء من العذراء في خدرها	Sesungguhnya Rasulullah saw itu lebih <u>pemalu</u> berbanding seorang gadis yang ada dalam pingitan keluarganya	اسم فاعل Kata nama pelaku
	22	جزع	685	فلما رأى جزعها	Melihat Fatimah yang <u>menangis</u> sedih itu	فعل Kata kerja
	23	كلام	695	كان كلام رسول الله (ص) كلاما فصلا	<u>Ucapan</u> Rasulullah SAW adalah ucapan yang jelas	مصدر Kata nama (terbitan)

	24	النفاق	688	كانت فيه خصلة من النفاق	Maka di dalam dirinya juga ada satu perkara sifat <u>munafik</u> itu	اسم فاعل Kata nama pelaku
	25	الخطبة	698	وأقصروا الخطبة	Ringkaskanlah <u>ucapan</u>	مصدر Kata nama (terbitan)
	26	تعلّما	699	ما رأيت معلما قبله ولا بعده أحسن تعلّما منه	Saya tidak pernah melihat seorang guru sebelumnya dan sesudahnya yang lebih baik <u>pengajarannya</u> daripada baginda	مصدر Kata nama (terbitan)

1) Masdar yang Diterjemahkan Sebagai Kata Terbitan

Menerusi Jadual 2, dapat diperhatikan bahawa terdapat 11 *masdar* yang diterjemahkan dalam bentuk kata terbitan bahasa Melayu. Pada hadith 716, *masdar* "معاش" diterjemahkan ke bahasa Melayu dalam bentuk kata terbitan memandangkan kedudukannya yang bersambung dengan kata nama iaitu "agama". Justeru ia lebih sesuai diterjemahkan dalam bentuk kata terbitan kerana bentuk lain seperti kata kerja tidak serasi digabungkan dengan kata nama. *Masdar* "مشية" pada hadith 685 diterjemahkan dalam bentuk kata terbitan dan berfungsi sebagai مصدر هيئة yang menerangkan jenis cara berjalan iaitu misalnya dalam konteks; cara berjalan Rasulullah SAW. Dalam hadith yang sama, *masdar* "جزع" turut diterjemahkan dalam bentuk kata terbitan kerana ia terletak selepas kata kerja. Sekiranya ia diterjemahkan dalam bentuk kata kerja, turutan kata kerja akan memberi kesan kekok pada terjemahan. *Masdar* "حنثية" pada hadith 689 diterjemahkan dalam bentuk kata terbitan dan ia adalah sejenis مصدر مرة iaitu *masdar* yang menerangkan bilangan.

Sementara itu, perkataan "الحياء" dan "الإيمان" pada hadith 679 serta "الإيمان" pada hadith 681 diterjemahkan dalam bentuk kata terbitan kerana penghujung ayat sesuai ditamatkan dengan kata nama, bukan kata kerja. Sekiranya ia diterjemahkan dalam bentuk kata kerja, ia memerlukan perkataan lain untuk melengkapkan pengakhiran ayat tersebut. Perkataan "الحياء" dan "الإيمان" pada hadith 680 dan 681 diterjemahkan dalam bentuk kata terbitan kerana kedudukannya pada awal ayat. Selain itu, *masdar* "كلام" pada hadith 695 diterjemahkan sebagai "ucapan" kerana ia merupakan اسم كان. *Masdar* "الخطبة" pada hadith 698 merupakan objek ayat, justeru ia lebih sesuai diterjemahkan sebagai kata terbitan. Pada hadith 699 pula, *masdar* "تعلّما" diterjemahkan sebagai "pengajaran" kerana ia digunakan sebagai perbandingan.

JADUAL 2. Senarai *masdar* yang diterjemahkan sebagai kata terbitan, Terjemahan *Riyad al-Salihin*

JENIS	BIL	MASDAR	HADITH	KONTEKS	TERJEMAHAN
<i>MIMI</i>	1	معاش	716	خير لي في ديني ومعاشي	Baik untukku dalam agamaku, dalam kehidupanku
<i>HAI'AH</i>	2	مشية	685	ما تحطىء من مشية رسول الله (ص) شيئا	Cara berjalannya sama sekali tidak berbeza dengan cara berjalan Rasulullah SAW
<i>MARRAH</i>	3	حنثية	689	فحنث لي حنثية	Abu Bakar langsung mengambilkan <u>bahagianku</u> dengan satu kali ambil
<i>SARIH</i>	4	الحياء	679	يعظ أخاه في الحياء	(Dia) memberi nasihat kepada kepada saudaranya tentang <u>sifat malu</u>
	5	الإيمان	679	فإن الحياء من الإيمان	Sifat malu itu adalah sebahagian daripada <u>iman</u>

	6	الحياء	680	الحياء لا يأتي إلا بخير	Sifat <u>malu</u> itu tidak mendatangkan sesuatu melainkan kebaikan
	7	الإيمان	681	الإيمان بضع وسبعون أو بضع وستون شعبة	<u>Iman</u> itu terdiri daripada tujuh puluh lebih atau enam puluh lebih cabang
	8	الإيمان	681	والحياء شعبة من الإيمان	Sifat malu itu merupakan salah satu cabang daripada <u>iman</u>
BUKAN MIMI	9	كلام	695	كان كلام رسول الله (ص) كلاما فصلا	<u>Ucapan</u> Rasulullah SAW adalah ucapan yang jelas
	10	الخطبة	698	وأقصرها الخطبة	Ringkaskanlah <u>khutbah</u>
	11	تعلينا	699	ما رأيت معلما قبله ولا بعده أحسن تعليما منه	Saya tidak pernah melihat seorang guru sebelumnya dan sesudahnya yang lebih baik <u>pengajarannya</u> daripada baginda

2) Masdar yang Diterjemahkan Sebagai Kata Pelaku

Terdapat dua *masdar* yang diterjemahkan dalam bentuk kata pelaku atau اسم فاعل; iaitu pada hadith 682 dan 688. *Masdar* "حياء" dalam hadith 682 diterjemahkan sebagai "pemalu" kerana subjek yang disifatkan dalam konteks hadith telah disebut sebelum *masdar*, iaitu Rasulullah SAW. Sementara itu, dalam hadith 688, *masdar* "نفاق" diterjemahkan dalam bentuk kata nama pelaku iaitu "munafik". Hal ini berikutan kesesuaian konteks, sekiranya ia diterjemahkan sebagai kata terbitan; "kemunafikan", terjemahan menjadi kekok dan kurang jelas. Lebih-lebih lagi, sebelum *masdar* tersebut, terdapat perkataan (sifat) yang mendahului, yang mana ia lebih sinonim dengan manusia, justeru ia lebih sesuai diterjemahkan dalam bentuk kata nama pelaku.

JADUAL 3. Senarai *masdar* yang diterjemahkan sebagai kata pelaku, Terjemahan *Riyad al-Salihin*

JENIS	BIL	MASDAR	HADITH	KONTEKS	TERJEMAHAN
BUKAN MIMI	1	حياء	682	كان رسول الله (ص) أشد حياء من العذراء في خدرها	Sesungguhnya Rasulullah SAW lebih <u>pemalu</u> berbanding seorang gadis yang ada dalam pingitan keluarganya
	2	نفاق	688	كانت فيه خصلة من النفاق	Maka di dalam dirinya juga ada satu perkara sifat <u>munafik</u> itu

3) Masdar Yang Diterjemahkan Sebagai Kata Kerja

Menerusi Jadual 4, didapati bahawa terdapat 13 *masdar* yang diterjemahkan dalam bentuk kata kerja. Pada hadith 696, *masdar* "الموعظة" diterjemahkan sebagai kata kerja "menasihati" untuk menyesuaikan dengan objek yang berada selepasnya, iaitu "-mu". Sekiranya ia diterjemahkan dalam bentuk kata terbitan, terjemahan akan menjadi seolah-olah tidak lengkap iaitu "untuk nasihatmu", justeru ia lebih sesuai diterjemahkan dalam bentuk kata kerja. Ia tergolong dalam jenis ayat aktif transitif iaitu ayat yang mengandungi kata kerja yang tidak memerlukan sebarang objek selepasnya (Arbak Othman, 1981). *Masdar* "الموعظة" pada hadith 700 pula diterjemah dalam bentuk kata kerja berikutan ia digabungkan dengan kata kerja sebelumnya iaitu "وعظ". Pada hadith 697, *masdar* "مخافة" diterjemah sebagai kata kerja kerana ia bersambung dengan kata kerja sebelumnya iaitu "menasihati". *Masdar* mu'awwal dalam hadith 684, 685, 693, 697, 705, 709 dan 710 kesemuanya diterjemahkan dalam bentuk kata kerja kerana ia terletak setelah kata sendi "untuk".

Pada hadith 681, *masdar* "قول" diterjemahkan sebagai "mengucapkan" iaitu dalam bentuk kata kerja kerana ia lebih menggambarkan perbuatan tersebut. *Masdar* "إمطة" dalam

hadith yang sama turut diterjemahkan dalam bentuk kata kerja untuk menggambarkan perbuatan menyingkirkan gangguan. Sekiranya ia diterjemahkan dalam bentuk kata terbitan, iaitu “penyingkiran gangguan”, terjemahan agak mengelirukan kerana imbuhan –an yang berturutan pada dua perkataan iaitu “penyingkiran” dan “gangguan”. Pada hadith 685, masdar "جزع" diterjemahkan sebagai kata kerja kerana ia lebih sesuai digandingkan dengan kata kerja “melihat” yang menunjukkan perbuatan itu sedang dilakukan ketika ia dilihat.

Setelah penelitian ke atas beberapa terjemahan hadith dilakukan, kajian ini mendapati bahawa Najib Kailani an dan Fatimah Rasyidah An menerapkan teori terjemahan Dinamis yang diperkenalkan oleh Nida (1964) dalam menterjemahkan *masdar* pada hadith yang dijadikan sampel kajian. Hal ini kerana persamaan kesan pembacaan oleh pembaca teks sumber mahupun teks sasaran diambil kira dalam penterjemahan hadith ke Bahasa Melayu. Ini secara tidak langsung membuktikan bahawa proses pemindahan mesej teks sumber kepada teks sasaran tidak semestinya diterjemah secara per kata untuk menyampaikan maksud asalnya. Seseorang penterjemah yang tidak memerhatikan perkaitan antara perkataan dengan elemen lain dalam ayat akan menemui kesulitan untuk menghasilkan terjemahan makna yang tepat (Siti Shalihah, 2017). Analisis menunjukkan bahawa terdapat banyak kesamaan padanan *masdar* sebagai kata nama dalam bahasa Melayu. Sesetengah *masdar* diterjemahkan dengan kosa kata yang lebih banyak dalam bahasa Melayu untuk mencapai maksudnya. Dapatan kajian menunjukkan terjemahan *masdar* dalam *Riyad al-Salihin* kebanyakannya dalam bentuk kata terbitan, di samping terdapat juga terjemahan dalam bentuk kata kerja atau kata pelaku. Terdapat 11 kata terbitan, 2 kata nama pelaku dan 13 kata kerja yang dimuatkan dalam kajian daripada terjemahan *masdar* tersebut.

Jadual 4: Senarai *masdar* yang diterjemahkan sebagai kata kerja, Terjemahan *Riyad al-Salihin*

JENIS	BIL	MASDAR	HADITH	KONTEKS	TERJEMAHAN
MIMI	1	موعظة	697	وإني أتخولكم بالموعظة	Sesungguhnya aku memperhatikan waktu untuk menasihatiimu
	2	موعظة	700	وعظنا رسول الله (ص) موعظة	Rasulullah SAW telah memberi nasihat kepada kami
HAI'AH	3	مخافة	697	يتخولنا بما مخافة السامة علينا	Rasulullah memperhatikan waktu dalam menasihati kami kerana takut akan membosankan
MU'AWWAL	4	أن أرجع	684	فإنه لم يمتني أن أرجع إليك فيما عرضت علي	Sesungguhnya tidak ada yang menghalangiku untuk menerima tawaranmu
	5	أن تكوني	685	أما ترضين أن تكوني سيدة نساء المؤمنات	Tidakkah kamu rela menjadi penghulu bagi para wanita mukmin
	6	ن تلقى	693	ولو أن تلقى أخاك بوجه طلق	Meskipun hanya sekadar bermuka manis ketika berjumpa dengan saudaramu
	7	أن أملككم	697	أكره أن أملككم	Aku tidak suka membuat kamu bosan
	8	أن يقيم	705	لا يحل لمسلم أن يقيم عند أخيه حتى يؤتمه	Tidak halal seorang muslim tinggal di tempat saudaranya sehingga membuatnya berdosa
	9	أن أصفه	709	ولو سئلت أن أصفه ما أطق	Seandainya saya disuruh menceritakan sifat-sifatnya pasti saya tidak akan mampu
	10	أن يأتي	710	إنما أنا بشر يوشك أن يأتي رسول ربي	Sesungguhnya aku ini hanyalah seorang manusia. Sebentar lagi utusan Tuhanku datang kepadaku
	SARIH	11	قول	681	فأفضلها قول لا إله إلا الله

	12	إمّاطة	681	وأدناها إمّاطة الأذى عن الطريق	Dan yang paling rendah adalah menyingkirkan gangguan dari tengah jalan
BUKAN MIMI	13	جزع	685	فلما رأى جزعها	Melihat Fatimah yang menangis sedih itu

KESIMPULAN

Justeru, dapat disimpulkan bahawa aspek *masdar* adalah penting untuk dititikberatkan dalam terjemahan kerana ia tidak hanya diterjemahkan dalam satu bentuk sahaja. Bentuk *masdar* dalam bahasa Arab boleh berubah menjadi bentuk kata kerja, kata terbitan dan kata pelaku sekiranya diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu. Kebanyakan *masdar* diterjemah sebagai kata terbitan, disusuli kata kerja dan kata pelaku. Dapat dirumuskan bahawa terjemahan perkataan sewajarnya menitikberatkan konteks ayat dan tidak mempunyai satu format tetap seperti terjemahan perkata. Pemilihan kata yang tepat dan sesuai dalam menterjemah kata terbitan adalah penting kerana hasil terjemahan yang betul akan membantu pembaca memahami konteks ayat dengan maksud yang sebenar selain memastikan nilai murni dan iktibar yang terdapat dalam teks agama tersebut dapat dijadikan panduan hidup masyarakat Islam. Kajian ini diharapkan mampu membantu pengkaji lain untuk meneliti bentuk terjemahan daripada bahasa Arab ke bahasa Melayu. Selain aspek *masdar*, kajian berkenaan terjemahan unsur lain seperti kata kerja, huruf dan lain-lain perlu diperdalam juga dalam kajian akan datang. Kajian tentang terjemahan hadith juga wajar diteruskan untuk meluaskan lagi bidang kajian ini, meliputi pelbagai cabang disiplin ilmu bahasa, seperti morfologi, sintaksis, semantik dan sebagainya.

RUJUKAN

- Abbas Hassan. (2007). *Al-Nahu al-Wafi*, Mesir: Dar al-Ma^carif.
- Abdul Mu'iz Ahmad dan Taj Rijal Muhamad Romli. (2020). Metode Terjemahan Teks Bab Solat dalam Kitab Bahrul Mazi. *International Journal of Humanities, Philosophy and Language (IJHPL)*. Vol 3 Issue 9 March.
- Ahmad Zulfadhli. (2013). Terjemahan Makna Perintah dalam Surah al-Baqarah: Analisis Perbandingan Antara Terjemahan Tafsir Fi Zilal Al-Quran dengan Tafsir Pimpinan ar-Rahman. Tesis sarjana, Universiti Malaya.
- Arbak bin Othman. (1983). *Permulaan Ilmu Linguistik*. Petaling Jaya: Saujana (M) Sdn. Bhd.
- Azhar Muhammad & Zauwiah Abidin. (2018). Kefahaman Terhadap Makna Huruf Ya' Dalam Sintaksis Arab: Kajian dalam Kalangan Pelajar Madrasah Alsagoff Al-Arabiah, Singapura. *INSANIAH: Online Journal of Language, Communication, and Humanities Volume 1(2)*, Disember.
- Azlan Abdul Rahman. (2003). Penggunaan masdar di kalangan pelajar melayu : Satu kajian kes, Tesis sarjana, Universiti Malaya.
- Azlan Abd.Rahman. (2007). *Masdar Bahasa Arab: Fungsi dan Penggunaan*. Taman Serdang Raya: Lohprint Sdn. Bhd.
- Azlan Shaiful Baharum & Mohamad Hazwan Abdul Rahman. (2020). Pengajaran Kemahiran Bertulis Pelajar Universiti Sains Islam Malaysia Berteraskan Analisis Pelbagai Kesalahan Bahasa dalam Sintaksis Bahasa Arab. *INSANIAH: Online Journal of Language, Communication, and Humanities Volume 3(1)*, April.
- Baharuddin, Shahman. (2012). Analisis kontrastif struktur asas ayat bahasa Arab dan Melayu, Tesis sarjana, Universiti Malaya.
- Cho Minsung & Puteri Roslina. (2016). Penterjemahan Budaya Bukan Kebendaan dalam Teks Terjemahan Bahasa Korea- Bahasa Melayu. *Jurnal Melayu Bil 15 (2)*.

- Dina, Taber. (1969). *The Theory and Practice of Translation*, Leiden.
- Imam Nawawi. (1997). *Riyad al-Salihin*, Dar al-Taba^cah wa al-Nashr al-Islamiah.
- Jaber Nashi. (2015). Examining Nida's Translation Theory In Rendering Arabic Proverbs Into English: A Comparative Analysis Study. *International Journal of English Language and Linguistics Research*. Vol.3, No.8, pp.45-57, December.
- Jamaluddin al-Qasimi. (2004). *Qawa'id al-Tahdith*, Mu'assasah al-Risalah.
- Kamilah al-Kawari. (2008). *Al-Wasit fi al-Nahu*, Dar Ibn Hazm.
- Manar Debbas & Ahmad S. Haider. (2020). Overcoming Cultural Constraints in Translating English Series: A Case Study of Subtitling Family Guy into Arabic. *3L: The Southeast Asian Journal of English Language Studies Vol 26(1)*, 1-17.
- Mohamad Nor Amin & Naimah Abdullah. (2011). Kesilapan terjemahan bahasa Arab- bahasa Melayu dalam ejen carian Google: Satu kajian semantik. Konferens: Seminar Penterjemahan Antarabangsa, Shah Alam.
- Mukhlis Rosli, Nasimah Abdullah & Lubna Abd Rahman. (2020). Terjemahan Teks Keagamaan: Tinjauan dari Sudut Konsep Kebolehterjemahan. *E-Bangi Journal of Sosial Science and Humanities*. Vol 17 No 4, 78-89.
- Mustafa al-Ghalayini. (2009). *Jami' al-Durus*, al-Maktabat al-^cAsriah.
- Najib Kailani An & Fatimah Rasyidah An. (2009). *Terjemahan Riyad al-Salihin dalam Bahasa Malaysia*. Al-Hidayah Publication.
- Ruzuani Muhammad. (2009). *Al- Akhta' Imlaiyyah Fi Isti^cmal Hamzatul Wasl Wal Qati' Lada Talabah Fi Qism Tarbiyyah Bil Jami'ah ^culum Islamiyyah Maliziah*. Tesis Sarjana. Fakulti Pengajian Bahasa Utama. Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia
- Sara Beden & Inderawati Zahid. (2015). Analisis Kesopanan Bahasa dalam Novel Melunas Rindu: Aplikasi Maksim Leech dan Grice. *Jurnal Bahasa 15 (1)*:143-172.
- Siti Shalihah. (2017). Terjemah Bahasa Arab Antara Teori dan Praktik. *Jurnal at-Ta'dib*. Vol 12 No 2.
- Wong, Nai Kung. (2003). Penggunaan laras ekonomi dalam akhbar Melayu: Satu analisis leksikal. Tesis sarjana, Universiti Malaya.

Penulis

Nur Syuhada binti Che Mat Amin ialah pelajar pascasiswazah dalam bidang Balaghah dan Kritikan di Pusat Kajian Bahasa Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia. Fokus kajian beliau ialah dalam bidang balaghah hadith.

Md Nor bin Abdullah ialah Pensyarah Kanan dalam bidang Balaghah di Pusat Kajian Bahasa Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia. Kepakaran beliau ialah dalam bidang Balaghah, Kritikan Sastra Arab dan Kesusasteraan Arab Klasik & Moden. Beliau merupakan graduan sarjana dan kedoktoran di Universiti Kebangsaan Malaysia.

Hakim bin Zainal ialah Pensyarah Kanan dalam bidang Tatabahasa Arab di Pusat Kajian Bahasa Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia. Kepakaran beliau ialah dalam bidang Tatabahasa Arab, kajian Kontrastif BM-BA dan Pembelajaran dan pengajaran bahasa Arab sebagai bahasa asing. Beliau merupakan graduan sarjana di Jordan.

Maheram Ahmad ialah Pensyarah Kanan dalam bidang terjemahan di Pusat Kajian Bahasa Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia. Kepakaran beliau ialah dalam bidang Terjemahan Arab-Melayu dan Sociolinguistik dalam

Terjemahan. Beliau merupakan graduan sarjana di Universiti Kebangsaan Malaysia dan kedoktoran di Universiti Malaya.